

# Kerajaan BN janji turunkan pelbagai cukai

Oleh MAHFAR ALI dan SHARIFF HAMID

KUALA PERLIS, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) akan menurunkan pelbagai cukai dalam belanjawan negara nanti tetapi bukan menghapuskannya seperti janji parti pembangkang dalam manifestonya di bawah Gagasan Rakyat.

Beliau berkata, bagaimanapun, cukai yang dikutip oleh kerajaan itu bukannya dari orang miskin tetapi daripada mereka yang mampu khususnya dari sektor perniagaan.

Katanya, inilah sikap kerajaan BN iaitu mengambil cukai dari mereka yang berkemampuan untuk diagihkan kepada yang miskin dan memerlukan, secara adil serta saksama.

"Peraturan kutipan cukai kita ini adalah selaras dengan ajaran Islam khususnya di segi zakat yang mana ia hanya diambil dari mereka yang kaya dan berada.

"Bagaimanapun, saya bim-

bang dengan janji presiden Semangat 46 yang mahu menghapuskan cukai untuk memancing undi. Mujur parti itu tidak mengumumkan penghapusan zakat oleh kerajaan yang bakal dibentuknya nanti dan berjanji pahalanya diberikan percuma kepada rakyat.

"Saya harap rakyat tidak terpengaruh dengan janji itu kerana ia hanya janji mereka yang belum dapat kuasa tetapi kalau sudah berkuasa, mungkin ia berubah," katanya kepada lebih 10,000 petani di majlis perasmian kompleks LPN di sini hari ini.

Perdana Menteri meminta rakyat negara ini bersyukur terhadap nikmat yang diperolehi sekarang.

Sebelum itu beliau memuji kerajaan negeri dan pengurus-pengurus LPN di sini yang berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan khususnya di segi pembangunan negeri ini yang setanding dengan negeri lain.

Di Arau, Perdana Menteri meminta semua penyokong Barisan Nasional (BN) termasuk calon yang bertanding dalam

pilihanraya supaya terus bekerja kuat bagi memastikan kemenangan parti di saat-saat akhir ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, inilah misi dan tanggungjawab semua ahli parti bagi mewujudkan kerajaan BN bukan saja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat pusat.

"Biarlah kita semua letih dan kekurangan tidur sekarang kerana tarikh pilihanraya yang dinanti-nantikan sudah semakin hampir iaitu cuma tinggal sehari lagi.

"Sekiranya kita bekerja ber-sungguh-sungguh untuk parti dan menang, sudah tentu selepas ini kita semua boleh berehat dengan tenang serta yakin untuk memperjuangkan hak rakyat," katanya kepada lebih 1,000 penyokong dan pemimpin BN di sini hari ini.

Beliau berkata, golongan oportunist yang terdiri dari parti pembangkang khususnya di bawah gabungan APU 'sekarang perlu ditumbangkan kerana mereka mahu memerintah bagi mengaut kekayaan negara.